

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**SOALAN :**

**YB Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang dialami serta kos pembaikpulihan pagar yang berlubang sekitar sempadan stesen KTMB Padang Besar sehingga menjadi lokasi penyeludupan daun ketum dan pendatang asing tanpa izin (PATI).

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, penilaian kerugian hasil daripada tangkapan barang-barang seludup di seluruh Negeri Perlis adalah RM20.96 juta bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Oktober 2015.

Jumlah peruntukan membaik pulih pagar stesen KTMB pula adalah sebanyak RM48,900.00 namun peruntukan ini adalah tidak mencukupi jika pagar-pagar ini sentiasa dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]**

**SOALAN : 12**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah anggaran perbelanjaan bagi perancangan Kerajaan untuk menggunakan teknologi pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam melakukan pemantauan di jalan raya dan meninjau lokasi kemalangan, khususnya di kawasan pedalaman untuk mendapatkan maklumat awal.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan masih belum mempunyai perancangan untuk menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) bagi tujuan pemantauan di jalan raya. Sehubungan itu, Kementerian ini tidak mempunyai anggaran perbelanjaan melibatkan penggunaan teknologi UAV ini. Walau bagaimanapun, pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ada menggunakan teknologi UAV bagi siasatan kemalangan jalan raya yang dijalankan oleh pihaknya.